

SIARAN MEDIA

PENGOPERASIAN TENAGA BOLEH BAHARU BERKAPASITI 12MW TERBESAR DI MALAYSIA

HULU SELANGOR, 20 September 2023 – YB Nga Kor Ming (YB KM) telah mengadakan Lawatan Kerja ke Bukit Tagar Enviro Park (BTEP) pada pagi ini dan seterusnya merasmikan Loji Tenaga Boleh Baharu Berkapasiti 12MW (megawatt) yang terbesar di Malaysia. Ini merupakan satu inisiatif Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Syarikat Berjaya Enviro Parks Sdn. Bhd (BEPSB) dalam memastikan kelestarian sistem pengurusan sisa pepejal negara yang lebih mampan di Malaysia.

Loji *Waste to Energy* (WtE) atau ‘Sisa kepada Tenaga’ adalah merupakan salah satu kaedah merawat sisa pepejal dan pada masa yang sama menjana tenaga boleh baharu. Loji WtE boleh menggunakan teknologi seperti Insinerator, Biogas, Anaerobic Digester (AD), Mechanical and Biological Treatment (MBT) dan sebagainya.

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Bukit Tagar atau lebih dikenali sebagai Bukit Tagar Enviro Park (BTEP) telah beroperasi sejak April 2005. Ia merupakan tanah milik kerajaan yang berkeluasan 700 ekar tanah untuk tujuan pembinaan tapak pelupusan dan 1,000 ekar tanah lagi sebagai zon pemampasan (*buffer zone*) yang mengelilingi tapak ini. Tapak pelupusan ini telah direka bentuk untuk melupuskan sisa pepejal sebanyak 2,500 tan sisa pepejal sehari dan mempunyai jangka hayat melebihi 40 tahun. Sehingga kini, BTEP telah berjaya mengurus dan melupuskan kira-kira 17 juta tan sisa pepejal dari kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Di tapak pelupusan ini, BTEP berupaya menukarkan gas metana daripada sisa pepejal kepada tenaga boleh baharu (*renewable energy*), di mana kira-kira 339 juta kWj tenaga elektrik disalurkan ke grid nasional.

YB KM berkata, “BTEP merupakan loji pengeluar tenaga boleh baharu daripada gas tapak pelupusan yang terbesar di Malaysia. Penghasilan tenaga ini dapat mengurangkan 2.7 juta tan karbon di bawah skim Mekanisme Pembangunan Bersih (*Clean Development Mechanism - CDM*). Perkara ini adalah bersamaan dengan 43.6 juta anak pokok yang ditanam dalam masa 10 tahun, pengurangan penggunaan 296 juta liter petrol dan pengurangan sebanyak 570,000 buah kereta yang dipandu dalam tempoh setahun.”

Beliau turut menambah, “Inisiatif ini adalah selaras dengan sasaran negara untuk mencapai tenaga boleh baharu (*renewable energy*) sebanyak 40% menjelang tahun 2035 yang mana sektor sisa pepejal merupakan salah satu penyumbang kepada pencapaian tersebut melalui teknologi WtE.”

Loji tenaga boleh baharu berkapasiti 12MW ini juga selaras dengan polisi kerajaan melalui KPKT untuk membangunkan sekurang-kurangnya satu (1) fasiliti pengurusan sisa pepejal berkonsepkan WtE di setiap negeri di Malaysia. Inisiatif-inisiatif baharu berkaitan pelaksanaan ekonomi kitaran, pemerksaan teknologi, pembangunan WTE dan fasiliti pengurusan sisa pepejal akan terus dilaksanakan bagi memastikan penjagaan alam sekitar untuk kehidupan akan datang.

YB KM turut merakamkan ucapan penghargaan kepada JPSPN yang sentiasa memacu penambahbaikan terhadap pengurusan sisa pepejal negara. Penghargaan juga diberi kepada Syarikat BEPSB di atas kejayaan pengoperasian Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Bukit Tagar, hasil daripada kecekapan, kepakaran dan kerjasama yang profesional daripada setiap kakitangan syarikat. Justeru, beliau berharap semua pihak memainkan peranan yang proaktif bagi memastikan pengurusan sisa pepejal di Malaysia dapat memberi impak yang tinggi, berdaya maju dan lestari.

Majlis turut dihadiri oleh YB Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi SWCorp; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekitaran Mampan) KPKT; Ir. Ts. Dr. Mohd Azhar bin Abd Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) serta barisan pengurusan tertinggi kementerian, agensi di bawah KPKT dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

